SAMPEL PERCUMA

Latihan Pendidikan Moral Tingkatan 3: Hubungan Diri, Komuniti dan Masyarakat

Set penuh: PI & Moral T1–5

Set Moral T1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 7 fail PDF
- Nota Padat Moral T1–3, 36 nilai + skema (25 m/s)
- Nota Padat Moral T4–5, 18 nilai universal, 24 unit, 2 set + skema (39 m/s)
- Latihan Moral Tingkatan 1 + jawapan (35 m/s)
- Latihan Moral Tingkatan 2 + jawapan (27 m/s)

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/pendidikan-islam-moral-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

KSSM · Edisi 2026

Latihan Pendidikan Moral

Tingkatan 3

14	18	1
Unit buku teks	Nilai Universal	Kertas gaya UASA

45 muka surat · nota, latihan, skema jawapan

Bahan latihan, bukan terbitan rasmi

Peta Unit dan Pentaksiran

Unit	Bidang	Tajuk unit	Standard kandungan
1	1	Pilihan Bermoral Pilihan Saya	1.1 Pilihan Bermoral
2	2	Anugerah Alam Ciptaan Tuhan	2.1 Anugerah Alam Ciptaan Tuhan
3	2	Kebestarian Diri	2.2 Kebestarian Diri
4	2	Amalan Tradisi Kekeluargaan Khazanah Kita	2.3 Mengekalkan Amalan Tradisi Kekeluargaan dalam Sesuatu Kaum
5	2	Konflik dalam Adab Persahabatan	2.4 Konflik dalam Adab Persahabatan
6	3	Hidup Bersatu Padu Menjana Kesejahteraan	3.1 Hidup Bersatu Padu dalam Kepelbagaian Agama, Bangsa, Budaya dan Bahasa
7	3	Kualiti Perkhidmatan Awam Aspirasi Pembangunan Negara	3.2 Perkhidmatan Awam Kebaikan Bersama
8	3	Bumi Hijau Bumi Kita	3.3 5R untuk Bumi Hijau
9	3	Tanggungjawab Sosial Tanggungjawab Bersama	3.4 Tanggungjawab Sosial
10	4	Hidup Beradab Cerminan Diri	4.1 Adab dalam Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi
11	4	Hindari Jenayah Kanak-kanak	4.2 Hindari Jenayah Juvana
12	4	Kebebasan Bersuara Menjamin Kemakmuran Negara	4.3 Kebebasan Bersuara
13	4	Amalan Tradisi Masyarakat Majmuk	4.4 Pelihara Tradisi dalam Masyarakat Majmuk
14	4	Kemanusiaan Asas Kemoralan	4.5 Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa

Pentaksiran Tingkatan 3

Kini	UASA (Ujian Akhir Sesi Akademik) dan pentaksiran bilik darjah, dikendalikan sekolah
Kertas dalam buku ini	Gaya UASA untuk latihan: A objektif, B struktur, C situasi. Format sebenar mengikut sekolah.

Kata tugas

Kata tugas	Kehendak soalan	Peruntukan markah
Nyatakan / **Senaraikan**	Isi sahaja, tanpa huraian	1m setiap isi
Jelaskan / **Huraikan**	Isi + sebab, contoh atau kesan	1m isi + 1m huraian
Cadangkan	Langkah yang boleh dibuat + kesannya	1m isi + 1m huraian
Pada pendapat anda	Jawab sebagai diri sendiri atau watak	Mengikut isi
Nilai	Nama penuh daripada 18 nilai, contoh "Kasih sayang"	1m setiap nilai

Unit 6 · Hidup Bersatu Padu Menjana Kesejahteraan

Standard 3.1 Hidup Bersatu Padu dalam Kepelbagaian Agama, Bangsa, Budaya dan Bahasa

Contoh	Rumah terbuka; gotong-royong; bersukan bersama; aktiviti Rukun Tetangga; belajar bahasa kaum lain; menghormati amalan agama jiran.
Cara	Bergaul tanpa mengira kaum; elak isu sensitif; bertolak ansur; mengutamakan kepentingan bersama.
Penting	Negara aman dan stabil; ekonomi berkembang; dihormati dunia; kehidupan harmoni.
Cabaran	Prasangka dan stereotaip; polarisasi kaum; isu kaum dan agama di media sosial; jurang ekonomi; perbezaan bahasa.
Amal	Sertai program perpaduan; berkawan dengan rakan pelbagai kaum; kongsi makanan ketika perayaan.
Perasaan	Gembira dan selamat hidup dalam masyarakat yang bersatu padu.
Kata kunci	perpaduan, kepelbagaian, toleransi, harmoni
Nilai	Toleransi · Hemah tinggi · Rasional · Patriotisme · Berterima kasih

Latihan Unit 6

A · Objektif

1. Antara berikut, yang manakah amalan hidup bersatu padu?

A Berkawan dengan rakan sekaum sahaja
B Menghadiri rumah terbuka jiran pelbagai kaum
C Mengelak aktiviti Rukun Tetangga
D Mempersenda pakaian tradisional kaum lain di sekolah

2. Apakah cabaran utama perpaduan dalam era media sosial?

A Penyebaran isu sensitif kaum dan agama
B Sambutan Hari Kebangsaan bersama
C Penggunaan bahasa Melayu yang meluas dalam urusan rasmi
D Penganjuran sukan antara kampung

3. Mengapakah perpaduan penting kepada negara?

A Rakyat tidak perlu mematuhi undang-undang
B Negara aman dan ekonomi berkembang
C Semua kaum mempunyai budaya yang sama
D Hanya satu bahasa boleh digunakan

4. Mohan belajar mengucapkan selamat dalam bahasa Mandarin kepada jirannya. Nilai yang ditunjukkan ialah

A Berdikari
B Hemah tinggi
C Kesederhanaan
D Keberanian

Latihan Unit 6 (sambungan)

B · Struktur

5. Baca stimulus di bawah.

SAMBUTAN 1 KAMPUNG 1 KELUARGA

Gotong-royong membersihkan surau, tokong dan kuil
Pertandingan sepak takraw dan bola keranjang
Jamuan makanan pelbagai kaum

Anjuran Rukun Tetangga Taman Damai

(a) Nyatakan dua aktiviti perpaduan dalam poster. **[2 markah]**

(b) Nyatakan dua kepentingan program itu kepada penduduk. **[2 markah]**

(c) Nyatakan satu nilai dalam program itu. **[1 markah]**

C · Situasi dan refleksi

6. Seorang rakan memuat naik video yang memperlekehkan amalan agama kaum lain.

(a) Nyatakan dua tindakan anda dan dua kesan jika video itu terus tersebar. **[4 markah]**

Unit 7 · Kualiti Perkhidmatan Awam Aspirasi Pembangunan Negara

Standard 3.2 Perkhidmatan Awam Kebaikan Bersama

Contoh	Hospital dan klinik kerajaan; polis; bomba; sekolah; Jabatan Pendaftaran Negara; pihak berkuasa tempatan (kutipan sampah, lampu jalan).
Piagam pelanggan	Janji bertulis agensi tentang mutu perkhidmatan. Contoh: urusan siap dalam tempoh tertentu, layanan mesra, maklumat jelas.
Idea baharu	Urusan dalam talian; sistem nombor giliran; kaunter khas warga emas dan OKU; maklum balas melalui kod QR.
Suara pendapat	Borang maklum balas; peti cadangan; Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA); surat rasmi. Gunakan bahasa sopan dan fakta.
Kesan abai	Kemudahan awam rosak; pembangunan negara lambat; kualiti hidup rakyat menurun; rakyat hilang kepercayaan.
Guna berhemah	Beratur; bawa dokumen lengkap; hormati petugas; guna talian kecemasan 999 hanya untuk kecemasan sebenar, supaya mangsa sebenar tidak terlewat dibantu.
Perasaan	Puas hati dan berterima kasih apabila menerima perkhidmatan yang cekap dan mesra.
Kata kunci	perkhidmatan awam, piagam pelanggan, maklum balas, berhemah
Nilai	Patriotisme · Bertanggungjawab · Kejujuran · Baik hati · Berterima kasih

Latihan Unit 7

A · Objektif

1. Piagam pelanggan ialah

A Borang permohonan untuk menjadi pekerja
B Kad keahlian untuk mendapat diskaun
C Senarai nama pelanggan tetap sesebuah agensi
D Janji bertulis agensi tentang mutu perkhidmatan

2. Cara yang betul untuk menyuarakan rasa tidak puas hati tentang perkhidmatan awam ialah

A Menulis komen kesat di media sosial
B Mengisi borang maklum balas dengan fakta
C Memarahi petugas di kaunter
D Memuat naik video petugas di media sosial tanpa izin

3. Membuat panggilan palsu ke talian kecemasan 999 akan menyebabkan

A Petugas lebih bersedia
B Kos perkhidmatan kecemasan negara berkurang
C Bantuan sampai lebih cepat
D Mangsa sebenar lambat mendapat bantuan

4. Kaunter khas untuk warga emas dan OKU di pejabat kerajaan menunjukkan nilai

A Kesederhanaan
B Kebebasan
C Baik hati
D Berdikari

Bidang 3 · Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat

Unit 8 · Bumi Hijau Bumi Kita

Standard 3.3 5R untuk Bumi Hijau

5R	Reduce (kurangkan), Reuse (guna semula), Recycle (kitar semula), Rethink (fikir semula), Repair (baiki).
Contoh	Bawa beg dan bekas sendiri; guna semula botol; asingkan sisa mengikut tong kitar semula; fikir sebelum membeli; baiki kasut atau beg yang rosak.
Penting	Sampah di tapak pelupusan berkurang; sumber alam dijimatkan; pencemaran berkurang; wang dijimatkan.
Idea inovatif	Bank kitar semula sekolah; kompos sisa makanan kantin; bengkel membaiki barang; premis tanpa plastik dan polistirena.
Kesan	Diamalkan: bumi bersih dan sihat. Diabaikan: pencemaran air, udara, tanah dan bunyi; banjir akibat longkang tersumbat.
Perasaan	Bangga dan puas hati dapat menyumbang kepada bumi hijau.
Kata kunci	5R, kitar semula, pencemaran, kelestarian
Nilai	Berdikari · Patriotisme · Kepercayaan kepada Tuhan · Rasional · Kerjasama

Latihan Unit 8

A · Objektif

1. Ahmad menjahit semula kasutnya yang koyak dan terus memakainya. Amalan 5R ini ialah

A Recycle **B** Rethink
C Repair **D** Reduce

2. Sebelum membeli, Aisyah bertanya pada dirinya sama ada barang itu benar-benar perlu. Amalan 5R ini ialah

A Rethink **B** Repair
C Reuse **D** Recycle

3. Apakah kepentingan amalan 5R?

A Mengurangkan sampah di tapak pelupusan
B Menambah sisa makanan di rumah
C Mempercepat pembalakan hutan
D Menambah penggunaan plastik sekali guna

4. Antara berikut, yang manakah idea inovatif amalan 5R di sekolah?

A Membakar daun kering di padang
B Mencetak semua nota pada sebelah muka kertas sahaja
C Menggunakan polistirena di kantin
D Membuat kompos daripada sisa makanan kantin

Unit 9 · Tanggungjawab Sosial Tanggungjawab Bersama

Standard 3.4 Tanggungjawab Sosial

Contoh	Menjadi sukarelawan; menderma kepada mangsa bencana; menziarahi warga emas; menjaga keselamatan kawasan; melaporkan penderaan.
Penting	Masyarakat prihatin; golongan susah terbela; jenayah berkurang; semangat kejiranan kukuh.
Peranan individu	Ambil tahu keadaan jiran; sertai Rukun Tetangga atau JKKK; tidak bersikap 'jaga tepi kain sendiri'.
Pihak lain	Syarikat swasta menaja program kebajikan; NGO menyalurkan bantuan; sekolah menganjurkan khidmat masyarakat.
Idea remaja	Kelab sukarelawan sekolah; kempen derma dalam talian; tuisyen percuma untuk adik-adik; hari khidmat komuniti.
Perasaan	Gembira dan puas hati apabila dapat membantu masyarakat.
Kata kunci	tanggungjawab sosial, sukarelawan, prihatin, kejiranan
Nilai	Kerjasama · Kerajinan · Bertanggungjawab · Toleransi · Baik hati

Latihan Unit 9

A · Objektif

1. Antara berikut, yang manakah contoh tanggungjawab sosial?

A Bersukan bersama rakan sekelas
B Menjadi sukarelawan di pusat pemindahan banjir
C Mengulang kaji pelajaran di rumah
D Membeli barang keperluan untuk kegunaan sendiri

2. Sikap 'jaga tepi kain sendiri' dalam masyarakat boleh menyebabkan

A Warga emas dan golongan susah terabai
B Kadar jenayah di kawasan menurun
C Masyarakat lebih prihatin
D Semangat kejiranan menjadi kukuh

3. Syarikat yang menaja program bantuan kepada mangsa bencana menunjukkan

A Persaingan perniagaan yang sihat
B Strategi menaikkan harga barang
C Kebebasan berniaga tanpa had
D Tanggungjawab sosial pihak swasta

4. Remaja yang menyertai kempen derma darah menunjukkan nilai

A Baik hati
B Kesederhanaan
C Harga diri
D Hemah tinggi

Skema Latihan Unit

Objektif: 1m. Struktur dan situasi: 1m setiap isi tepat. "Huraikan" 4m = 2 isi + 2 huraian. Terima jawapan lain yang munasabah.

Jawapan objektif (Unit · soalan 1 hingga 4)

U1 A B C A	**U2** C C B C	**U3** A D D B	**U4** D C C A	**U5** B D C A	**U6** B A B B	**U7** D B D C
U8 C A A D	**U9** B A D A	**U10** B D D C	**U11** C D B A	**U12** C D A C	**U13** D A B B	**U14** D A C C

Unit 1 · Pilihan Bermoral Pilihan Saya

5(a) **1m**	Menolak ajakan ponteng kelas tambahan dan memilih untuk hadir ke kelas.
5(b) **2m**	Mana-mana 2: Dia menimbang akibat, iaitu ujian esok. · Dia menghargai wang yang dibayar oleh ibu bapa. · Dia tidak terikut-ikut desakan rakan. · Pilihannya mematuhi peraturan sekolah.
5(c) **2m**	Tenang / yakin / bangga. · Kerana dia tidak melanggar peraturan dan tidak menghampakan ibu bapa.
6(a) **4m**	1 pilihan + 3 alasan. Contoh: Menolak ajakan itu / keluar daripada kumpulan. · Mengejek orang lain menyakiti hati mangsa. · Boleh dianggap buli siber dan melanggar peraturan. · Menjaga maruah diri dan keluarga. · Menasihati rakan supaya berhenti.

Unit 2 · Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

5(a) **2m**	Mana-mana 2: Ikan mati. · Bekalan air terputus. · Penduduk boleh jatuh sakit. · Ekosistem sungai musnah.
5(b) **2m**	Mana-mana 2: Melaporkan kilang kepada Jabatan Alam Sekitar. · Bergotong-royong membersihkan sungai. · Tidak membuang sampah ke dalam sungai. · Menganjurkan kempen cintai sungai.
5(c) **1m**	Bertanggungjawab / Kasih sayang / Rasional / Kepercayaan kepada Tuhan.
6(a) **4m**	1 tindakan + 3 sebab. Contoh: Mengutip sampah dan membuangnya ke dalam tong. · Menegur pengunjung secara berhemah. · Sampah boleh mencemarkan air dan membunuh hidupan. · Tempat rekreasi kekal bersih untuk orang lain. · Tanda bersyukur atas anugerah Tuhan.

Unit 3 · Kebestarian Diri

5(a) **2m**	Mana-mana 2: Memperlekehkan rakan yang lemah. · Lewat menghantar tugasan kumpulan. · Ego / sombong.
5(b) **2m**	Mana-mana 2: Merendah diri dan membantu rakan yang lemah. · Mengurus masa dengan jadual. · Menghormati rakan sekumpulan. · Mengamalkan disiplin diri.
5(c) **1m**	Hemah tinggi / Bertanggungjawab / Kerajinan / Harga diri.
6(a) **4m**	Mana-mana 4: Membuat jadual harian. · Menghadkan masa media sosial. · Menyiapkan kerja sekolah dahulu. · Meminta ibu bapa memantau. · Mengisi masa dengan aktiviti berfaedah seperti sukan atau membaca.

Unit 4 · Amalan Tradisi Kekeluargaan Khazanah Kita

5(a) **1m**	Pulang ke kampung dan memohon restu datuk dan nenek ketika Deepavali.
5(b) **2m**	Mana-mana 2: Mengeratkan hubungan keluarga. · Menghormati dan menggembirakan orang tua. · Mewariskan tradisi kepada generasi muda. · Mengekalkan identiti keluarga.
5(c) **2m**	Pulang ke kampung. · Masa bersama datuk dan nenek lebih bermakna / boleh bercuti pada masa lain.
6(a) **4m**	2 isi + 2 huraian. Contoh: Tradisi mengeratkan hubungan keluarga → ahli keluarga berkumpul dan saling mengambil berat. · Tradisi mengandungi nilai murni → anak belajar hormat dan kasih sayang. · Tradisi ialah jati diri keluarga → generasi muda mengenal asal usul. · Amalan boleh disesuaikan → tidak membebankan masa dan wang.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: PI & Moral T1–5

Set Moral T1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 7 fail PDF
- Nota Padat Moral T1–3, 36 nilai + skema (25 m/s)
- Nota Padat Moral T4–5, 18 nilai universal, 24 unit, 2 set + skema (39 m/s)
- Latihan Moral Tingkatan 1 + jawapan (35 m/s)
- Latihan Moral Tingkatan 2 + jawapan (27 m/s)

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/pendidikan-islam-moral-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar